



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (09 NOVEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **empat (4) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kesemua kes tersebut di kesan di daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 991 kes**.

A. Kes COVID-19 Baharu

I. Daerah Kuching (4 Kes Baharu) Kes Saringan Kontak Rapat Kepada kes Positif COVID-19 (4 kes baharu)

- a) Kes Ke-988 merupakan seorang wanita warganegara tempatan yang telah menjalani saringan COVID-19 ulangan kerana mempunyai kontak rapat kepada seorang kes positif COVID-19. Kes ini telah menjalani saringan pertama pada 30 Oktober 2020 dan didapati negatif. Kes ini mula mengalami gejala cirit-birit yang ringan mulai 7 November 2020. Kes ini mempunyai kontak rapat dengan kes disahkan COVID-19 iaitu kes Ke-867 di dalam Kluster Greenhill, Kuching.

- b) Kes Ke-989 merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang telah menjalani saringan COVID-19 kerana mempunyai kontak sosial dengan kes Ke-887 dan 888 di dalam Kluster Greenhill, Kuching. Kes ini tidak menunjukkan tanda dan gejala jangkitan COVID-19.
- c) Kes Ke-990 merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang telah menjalani saringan COVID-19 kerana mempunyai kontak rapat dengan kes Ke-938 di dalam Kluster Saberkas, Kuching. Kes ini adalah adik kepada kes Ke-938. Kes ini juga tidak menunjukkan tanda dan gejala jangkitan COVID-19.
- d) Kes Ke-991 merupakan seorang lelaki warganegara Indonesia yang mempunyai kontak rapat dengan kes Ke-975. Kes telah menjalani saringan di sebuah klinik kesihatan kerajaan pada 7 November 2020 dan didapati positif pada 9 November 2020. Kes ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19.

Kesemua kes ini telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan. Ini menjadikan terdapat lima (5) kluster yang kekal masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan dua (2) kes baharu positif COVID-19 yang dikaitkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah 79 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 1,206 individu telah disaring, dimana:

- 79 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,061 individu negatif dan
- 66 individu masih menunggu keputusan

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 6.55%. Sehingga 9 November 2020, jam 12:00 tengah hari, sejumlah 28 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari wad pengasingan di hospital. Ini menjadikan seramai 51 kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan kesemua mereka adalah dalam keadaan stabil.

ii) Kluster Wisma Saberkas di Daerah Kuching.

Hari ini, terdapat satu (1) kes baharu positif COVID-19 yang telah dikesan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah seramai 36 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 967 individu telah disaring, dimana:

- 36 kes dikesan positif COVID-19;
- 847 individu negatif; dan
- 84 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 3.72%. Sehingga 9 November 2020, jam 12:00 tengah hari, terdapat satu (1) kes telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital. Ini menjadikan seramai 35 orang kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil.

iii) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

iv) Kluster Baki di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai 33 orang termasuk kes indeks.

v) Kluster Seladah di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai sembilan (9) orang termasuk kes indeks.

C. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **sembilan (9)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kesemua ke-kes yang telah pulih dan dibenarkan didiscaj ini adalah dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **828** orang atau **83.55%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **144** orang iaitu:

- 114 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 26 kes di Hospital Miri;
- Dua (2) kes di Hospital Bintulu, dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 1.92%**.

Hari ini **39 PUI** baru telah dilaporkan dan **17 PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

2. LAPORAN PKPB DAERAH KUCHING (09-22 NOVEMBER 2020)

Hari ini adalah hari pertama Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Daerah Kuching. Seramai 232 kekuatan anggota yang terlibat yang terdiri daripada PDRM (128), ATM (96) dan RELA (8). Pihak PDRM telah menempatkan kesemua anggota Sekatan Jalan Raya (SJR) di sepuluh (10) buah lokasi di sempadan daerah Kuching seperti berikut:

- i. Jalan Matang (Bulatan E-Mart)
- ii. Jalan Temenggong Tan Meng Chong
- iii. Jalan Kuching / Samarahan Expressway
- iv. Jalan Datuk Bandar Mustapha
- v. Jalan Matang ke Kampung Paroh
- vi. Jalan Lapangan Terbang
- vii. Jalan Stapok
- viii. Jalan Depo Link
- ix. Jalan Kuching Serian (berhampiran Ting Kargo)
- x. Jalan Expressway Kota Samarahan / Kuching (Jambatan Kuap)

3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **enam (6) kompaun** di Daerah Kuching (2), Samarahan (2), Miri (1) dan Sarikei (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **119 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (42), SMC (25), MPP (24), BDA (22), MDMJ (4) dan MD Sarikei (2).

4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,355 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (194), Restoran (289), Kilang (11), Bank (103), Pejabat Kerajaan (38), Penjaja (34), Pasar Tani/Awam (50), Tempat Ibadah (55), Tempat Riadah (34), Tapak Pembinaan (18) dan lain-lain (529).

Seramai **514 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (240), ATM (31), RELA (124), APM (82), PBT (32) dan KKM (5).

5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,574** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
09 NOVEMBER 2020
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	987	Total Cases still in ward	144	14.53%
New Cases	4	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	157,671	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	991	Total Death Cases	19	1.92%
IR per 100,000 population	32.12	Recovered and discharged cases	828	83.55%
Lab. Results (PUI)	New	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	New	Cummulative
Negative	19		39	
Pending Result	17		17	10,362

Current Status		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward		114	2	2	26	0	144
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Intubated cases		0	0	0	0	0	0
Total Death Cases		17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	9	0	0	0	0	9
	Cummulative	697	39	47	43	2	828
Total re-admission cases (Re-tested Positive)		9	9	3	1	0	22

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	29	6,888	4	650	0	527	0	12	111	150	142
	Jumlah	29	6,888	4	650	0	527	0	12	111	150	142

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	1	262	0	7	0	4	0	0	3	4	4
2	Miri	0	907	0	54	0	30	0	1	23	24	14
3	Limbang	0	33	0	11	0	9	0	1	1	1	1
	Jumlah	1	1,202	0	72	0	43	0	2	27	29	19

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	6	585	0	115	0	110	0	4	1	2	0
2	Bintulu	0	320	0	49	0	47	0	0	2	3	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	121	0	17	0	17	0	0	0	2	0
5	Lawas	0	25	0	7	0	4	0	0	3	3	0
6	Serian	3	318	0	25	0	25	0	0	0	0	0
7	Bau	0	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	55	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	36	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		9	2,272	0	269	0	258	0	5	6	10	0

Jumlah Besar	39	10,362	4	991	0	828	0	19	144	189	161
--------------	----	--------	---	-----	---	-----	---	----	-----	-----	-----

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **337 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **26 buah hotel** adalah seramai **2,295 orang**. Manakala seramai **30,400 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 09.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,341)	Hock Lee	97
2		Kuching Park	109
3		Hilton	283
4		Harbour View	195
5		Riverside (Astana Wing)	239
6		Tune Hotel	96
7		Dormani Hotel	63
8		Grand Continental	93
9		Meritin	78
10		Longhouse	88
11	Miri (504)	Mega Hotel	72
12		Imperial Palace	98
13		Eastwood Valley	50
14		Meritz	130
15		Miri	32
16		Dynasty	89
17		Citi Hotel	33
18	Bintulu (161)	Wasan Inn	20
19		Fairfield by Marriot	15
20		Kidurong Inn	35
21		Motel Kapok	46
22		Faber Inn	26
23		AA Inn	19
24	Limbang (190)	Purnama	75
25		Seri Malaysia (Lawas)	97
26		Shangshan (Lawas)	0
27		Mandarin (Lawas)	18
28	Sibu (99)	Premier	99
Jumlah PUS			2,295

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **7 lokasi di Kuching (3), Miri (3) dan Sibu (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,948 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 09.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	3	643
2	Miri	3	371
3	Sibu	1	189
4	Samarahan	TIADA	129
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	TIADA	90
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	58
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
Jumlah Keseluruhan			1,948

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **41 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 09.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	4
4	MP Sibu	9
5	MCC	13
6	MD Marudi	3
7	MD Lawas	7
Jumlah		41